



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**CIRI MUKA HADAPAN LAMAN WEB E-KOMUNITI DI  
MALAYSIA**

**SUZILA BINTI MAT SALLEH**

**FBMK 2008 8**



**CIRI MUKA HADAPAN LAMAN WEB E-KOMUNITI DI  
MALAYSIA**

**Oleh**

**SUZILA BINTI MAT SALLEH**

**Tesis Ini Dikemukakan Kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra  
Malaysia, Bagi Memenuhi Keperluan Untuk Ijazah Master Sains**

**April 2008**



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sains

## **CIRI MUKA HADAPAN LAMAN WEB E-KOMUNITI DI MALAYSIA**

Oleh

**SUZILA BINTI MAT SALLEH**

**April 2008**

**Pengerusi : Profesor Musa Abu Hassan, PhD**

**Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi**

Komuniti merupakan aset utama dalam pembinaan laman web e-komuniti kerana komunitilah yang menentukan arah matlamat kandungan laman web tersebut. Laman web juga dijadikan sebagai saluran penyebaran maklumat sesama komuniti sama ada untuk mengetahui maklumat yang dipaparkan di laman web, maklumat terkini, berkomunikasi sesama ahli ataupun menggunakan pautan yang disediakan. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti ciri paparan pada laman web e-komuniti, mengetahui kandungan yang dimuatkan dalam laman web e-komuniti, mengenal pasti ciri interaktif dan tahap keaktifan laman web e-komuniti dan mengenal pasti pihak yang membangun dan mentadbirkan laman web e-komuniti.

Kajian ini dijalankan pada muka hadapan laman web e-komuniti yang dipaparkan melalui laman web e-komuniti terpilih di Malaysia. Laman web e-komuniti yang disenaraikan untuk kajian ini adalah terdiri daripada projek di bawah Kementerian

Tenaga, Air dan Komunikasi, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Majlis Bandaraya Shah Alam, Kerajaan Negeri Selangor, Jabatan Kemajuan Masyarakat, Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah, *Demonstrator Application Program and Grant Scheme* (DAGS), Kerajaan Negeri Melaka, dan Jabatan Perkhidmatan Penerangan Malaysia.

Analisis kandungan merupakan kaedah penyelidikan yang digunakan dalam kajian ini dan meliputi 142 laman web e-komuniti yang dikaji. Kajian ini melibatkan pengkaji dan jurukod dalam menganalisa data yang diperoleh di mana borang pengekodan disediakan oleh pengkaji untuk memudahkan data diperoleh ditandakan. Hasil kajian dibentangkan dalam bentuk deskriptif iaitu meliputi peratus dan dalam bentuk jadual silang.

Kajian mendapati ciri paparan yang terdapat dalam laman web e-komuniti yang dikaji adalah seperti penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa perantaraan utama dalam laman web e-komuniti, mempunyai rangka, bergrafik, saiz, jenis tulisan dan penebalan perkataan yang sesuai, serta menggunakan pelbagai warna pada laman web. Majoriti laman web e-komuniti desa merupakan laman web yang menggunakan bahasa Melayu pada laman web mereka. Hasil kajian juga mendapati laman web e-komuniti desa memaparkan maklumat dan kandungan yang berkaitan dengan komuniti. Kandungan utama yang dimuatkan di laman web e-komuniti meliputi sejarah, dan latar belakang komuniti. Ciri interaktif yang dipaparkan di laman web e-komuniti pula ialah mempunyai ruangan maklum balas kepada editor, ruangan komen, forum diskusi, ruangan carian dalam portal dan capaian pelawat. Laman web e-komuniti masjid

merupakan laman web yang tidak bersifat interaktif memandangkan ciri-ciri interaktif yang perlu ada dalam sesebuah laman web tidak dipaparkan di laman web tersebut.

Hasil kajian juga menjelaskan bahawa agensi swasta merupakan agensi yang membangunkan laman web e-komuniti dan anggota komuniti bertanggungjawab dalam menguruskan laman web e-komuniti.

Oleh itu, untuk menggalakkan komuniti menggunakan laman web, paparan yang menarik, kandungan yang memenuhi kehendak komuniti dan ruangan komunikasi dua hala perlu dimasukkan dan dipaparkan dalam laman web e-komuniti.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of the requirement for the degree of Master of Science.

**FEATURES OF FRONT PAGE E-COMMUNITY'S WEBSITES IN MALAYSIA**

By

**SUZILA BINTI MAT SALLEH**

**April 2008**

**Chairman : Professor Musa Abu Hassan, PhD**

**Faculty : Modern Languages and Communication**

Community is a predominant factor in developing e-community websites' so as to determine the aspiration of the websites. These websites serve as information sharing medium among communities by updating latest information, as communication tools among communities' member, or using link buttons. The purposes of conducting this research is to identify the common features shown on e-community websites, to study the sites' contents, to analyze the interactive features and the site's active status. In addition, this research is also for acknowledging e-community websites' development and administrating parties.

This research is conducted to analyze the contents of e-communities websites' front page that are being shown through selected e-community websites in Malaysia. The e-



community websites that are analyzed in this research are projects undertaken by the Ministry of Energy, Water and Communications, Ministry of Rural and Regional Development, Shah Alam City Council, Selangor State Government, Community Development Agency, Terengganu Tengah Development Authority, Demonstrator Application Program and Grant Scheme (DAGS), Malacca State Government and Department of Information Malaysia.

Content analysis is the methodology used in this research and it covers 142 e-community websites. This research involves a researcher and a coder (second coder), who analyze data obtained from coding form prepared in advance by the researcher. Research results are being presented in descriptive forms (in percentage) and in cross tabulation.

The features in the analyzed e-community websites that this research discovered are the use of Malay language as communication medium, the use of frames, graphics, suitable font size, multiple font type, and variety color usage. The majority of rural e-community websites use Malay language in their websites. Research outcome shows that e-community websites provide information and contents that are relevant to the communities. History and communities' background are the major contents of e-community websites. Interactive characteristics that are being employed are the use of feedback systems to the editor, comment columns, discussion forums, search functions and visitors counter. Mosque e-community websites are not interactive group since no interactive features found in the websites.

This research also discovered that private agency play an important role in developing e-communities websites and community members are responsible for the websites' administration.

Therefore, in order to encourage communities to use websites, interesting webpages, relevant contents that satisfy communities' need and two way communication have to be included into the websites.





## PENGHARGAAN

Alhamdulillah dan bersyukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan izinnya maka tesis ini dapat disiapkan dengan sempurnanya. Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga ditujukan buat Profesor Dr. Musa Abu Hassan (penyelia utama), Dr. Narimah Ismail dan Dr. Siti Zobidah Omar yang telah banyak meluangkan masa dengan segala teguran dan tunjuk ajar yang diberikan dalam membantu saya menyiapkan penyelidikan tesis ini sehingga lengkap. Hanya Allah sahajalah yang dapat membalasnya.

Terima kasih juga ditujukan buat rakan-rakan yang telah memberi bantuan dan kerjasama untuk menjayakan penyelidikan ini.

Galakan, sokongan dan pengorbanan tidak terhingga yang diberikan oleh ayah dan ibu tersayang juga tidak dapat dibalas dan akan sentiasa diingati. Buat suami, terima kasih atas segala keprihatinan yang diberikan.



Saya mengesahkan bahawa Jawatankuasa Peperiksaan Tesis bagi Suzila Binti Mat Salleh telah mengadakan peperiksaan akhir pada 29 Januari 2008 untuk menilai tesis Master Sains beliau yang bertajuk “Ciri Muka Hadapan Laman Web E-Komuniti di Malaysia” mengikut Akta Universiti Pertanian Malaysia (Ijazah Lanjutan) 1980 dan Peraturan-peraturan Universiti Pertanian Malaysia (Ijazah Lanjutan) 1981. Jawatankuasa Peperiksaan Tesis memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah tersebut. Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

**MD. SALLEH BIN HJ HASSAN, PhD**

Profesor

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Pengerusi)

**EZHAR BIN TAMAM, PhD**

Profesor Madya

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Pemeriksa Dalam)

**JUSANG BIN BOLONG, PhD**

Pensyarah

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Pemeriksa Dalam)

**ADNAN BIN HUSSEIN, PhD**

Profesor Madya

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Pemeriksa Luar)

---

**HASANAH MOHD. GHAZALI, PhD**

Profesor / Timbalan Dekan

Sekolah Pengajian Siswazah

Universiti Putra Malaysia

Tarikh:



Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat keperluan untuk Ijazah Master Sains. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

**MUSA BIN ABU HASSAN, PhD**

Profesor

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Pengerusi)

**NARIMAH BT ISMAIL, PhD**

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Ahli)

**SITI ZOBIDAH BT OMAR, PhD**

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Ahli)

---

**AINI IDERIS, PhD**

Profesor / Dekan

Sekolah Pengajian Siswazah

Universiti Putra Malaysia

Tarikh:



## **PERAKUAN**

Saya mengakui bahawa tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli melainkan petikan dan sedutan yang tiap-tiap satunya telah dijelaskan sumbernya. Saya juga mengaku bahawa tesis ini tidak pernah dimajukan untuk ijazah-ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi-institusi lain.

---

**SUZILA BINTI MAT SALLEH**

Tarikh:



## JADUAL KANDUNGAN

### Muka Surat

<b>ABSTRAK</b>	ii
<b>ABSTRACT</b>	v
<b>PENGHARGAAN</b>	viii
<b>PENGESAHAN</b>	ix
<b>PERAKUAN</b>	xi
<b>JADUAL KANDUNGAN</b>	xii
<b>SENARAI JADUAL</b>	xiv
<b>SENARAI RAJAH</b>	xv

### BAB

<b>1</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	
	Latar Belakang Kajian	1
	Pernyataan Masalah	11
	Persoalan Kajian	13
	Objektif Kajian	14
	Kepentingan Kajian	14
	Limitasi Kajian	16
<b>2</b>	<b>SOROTAN LITERATUR</b>	
	Pendahuluan	17
	Definisi Komputer	17
	Definisi Teknologi Maklumat dan Komunikasi	18
	Definisi Komuniti	20
	Definisi E-komuniti	24
	Pembinaan E-komuniti	27
	Pengekalan E-komuniti	30
	Kemunculan dan Perkembangan Internet	33
	Perkembangan Internet di Malaysia	35
	Penggunaan Internet Secara Global	38
	Penggunaan Internet di Malaysia	41
	Jaringan Komuniti Secara Global	46
	Laman Web	48
	Jenis-Jenis Laman Web	50
	Pembentukan Laman Web	53
	Kajian Mengenai Laman Web di Malaysia	60
	Ciri Paparan Laman Web	62
	Laman Web Yang Berkualiti	68
	Kriteria Kandungan Laman Web	75



	Penilaian Laman Web	81
	Interaktiviti	83
	Teori Kekayaan Media	88
	Rumusan	93
<b>3</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	
	Pendahuluan	95
	Reka Bentuk Kajian	95
	Populasi dan Persampelan	96
	Pengkategorian	97
	Pengekodan	98
	Helaian Pengekodan	99
	Unit Analisis	101
	Praujian Kajian	101
	Kesahan	102
	Pengumpulan Data	103
	Analisis Data	104
<b>4</b>	<b>HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN</b>	
	Pendahuluan	105
	Pengenalan	105
	Ciri Paparan Laman Web E-komuniti	107
	Kandungan Muka Hadapan yang Dimuatkan	115
	Gambar yang Dimuatkan pada Muka Hadapan Laman Web	121
	Pautan yang Disediakan E-komuniti	122
	Maklumat Aktiviti Komuniti	124
	Maklumat Berita dan Rencana	126
	Pautan ke Laman Web Lain	129
	Ciri Interaktif	130
	Tahap Keaktifan	135
	Pihak yang Membangun dan Mentadbir Laman Web	137
	Label Hak Cipta	139
	Pautan Agensi Pembangun dan Pentadbir Laman Web	140
	Perbincangan Hasil Kajian	141
<b>5</b>	<b>RUMUSAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN</b>	
	Rumusan Kajian	145
	Rumusan Hasil Kajian	148
	Kesimpulan	149
	Implikasi Dan Cadangan	152
	Cadangan Kajian Lanjutan	154
	<b>RUJUKAN</b>	156
	<b>LAMPIRAN</b>	167
	<b>BIODATA PENULIS</b>	180



## SENARAI JADUAL

<b>Jadual</b>		<b>Muka Surat</b>
1	Peruntukan Pembangunan untuk Program dan Projek Yang Berkaitan ICT, 2001-2005	3
2	Peruntukan Pembangunan untuk Program Yang Berkaitan ICT, 2006-2010	5
3	Agihan Peruntukan Projek Rancangan Malaysia Kelapan (2001-2005) Mengikut Sektor	8
4	Statistik Penggunaan Internet dan Populasi Dunia	39
5	Taburan Laman Web E-komuniti Mengikut Agensi	106
6	Taburan Laman Web E-komuniti Mengikut Kategori	108
7	Jenis Penggunaan Bahasa di Laman Web E-komuniti	109
8	Jadual Silang Ciri Paparan Laman Web E-komuniti	110
9	Jadual Silang Maklumat Kandungan Laman Web E-komuniti	116
10	Gambar yang Dimuatkan di Muka Hadapan Laman Web E-komuniti	121
11	Jadual Silang Pautan yang Disediakan di Laman Web E-komuniti	123
12	Jadual Silang Maklumat Aktiviti Komuniti	125
13	Jadual Silang Maklumat Berita dan Rencana	127
14	Jadual Silang Pautan ke Laman Web Lain	130
15	Jadual Silang Ciri Interaktif Laman Web E-komuniti	131
16	Jadual Silang Tahap Keaktifan Laman Web E-komuniti	136
17	Taburan Agensi yang Membangun dan Mentadbir Laman Web E-komuniti	138
18	Taburan Label Hak Cipta Terpelihara dan Tahun Hak Cipta	139
19	Taburan Pautan kepada Agensi Terlibat	140



## SENARAI RAJAH

<b>Rajah</b>		<b>Muka Surat</b>
1	Model Empat Tunjang Seni Bina Maklumat	55
2	Hirarki Kekayaan Media	90



# **BAB 1**

## **PENDAHULUAN**

### **Latar Belakang Kajian**

Internet kini merupakan medium yang penting dalam kehidupan komuniti yang memberikan kemudahan pilihan dalam menjalani kehidupan harian. Pelbagai aktiviti dapat dijalankan dengan menggunakan teknologi internet, seperti berkomunikasi, bekerja, kebebasan bersuara dalam laman tertentu, membuat pembelian melalui e-dagang, membuka perniagaan di internet, berkongsi maklumat, dan mendapatkan maklumat, hiburan, bermain, belajar, berhubung secara setempat dan secara global, dan pelbagai aktiviti lain yang melibatkan komuniti.

Namun begitu dengan wujudnya teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) atau *Information Communication and Technology* (ICT), komuniti perlu mempunyai pengetahuan dalam bidang teknologi internet dan perlu tahu menggunakannya untuk membina satu komuniti yang kukuh. Teknologi maklumat mempunyai tiga komponen utama, iaitu komputer, komunikasi dan tahu-guna. Gabungan ketiga-tiga komponen ini mencipta peluang kepada manusia dan organisasi untuk lebih produktif, berkesan dan berjaya. Pengetahuan menggunakan komputer adalah sama penting dengan pengetahuan tentang cara menggunakannya dan sama penting juga dengan kebolehan berkomunikasi melalui komputer, dan kebolehan untuk menghubungkan manusia melalui teknologi

maklumat. Komponen baru teknologi maklumat juga disebut sebagai elektronik pengguna (Senn, 1998).

ICT telah mengubah kehidupan masyarakat atau komuniti. Masyarakat kini perlu melibatkan diri seiring dengan kepesatan teknologi yang sentiasa berubah. Penglibatan semua pihak amat diperlukan untuk menjana masyarakat celik ICT. Usaha yang berterusan perlu dilakukan oleh pelbagai pihak untuk merealisasikan matlamat negara yang memerlukan masyarakat bermaklumat.

Pelbagai kempen telah dianjurkan oleh kerajaan untuk menggalakkan penggunaan komputer. Kempen ‘sebuah rumah sebuah komputer’ perlulah difokuskan di kawasan luar bandar kerana pasaran komputer di kawasan bandar telah mencapai tahap maksimum, terutamanya di Lembah Kelang (Ming, 2003).

Pada peringkat negara, kerajaan Malaysia telah membuat perancangan jangka panjang dalam usaha meningkatkan penggunaan ICT dalam pembangunan negara. Dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (2001-2010), kerajaan juga telah memberikan penekanan kepada pembangunan ICT. Penyediaan perkhidmatan yang sama rata pada harga yang berpatutan akan dipergiatkan, terutamanya ke kawasan luar bandar dan kawasan terpencil (Malaysia, 2001). Ini ditambah pula dengan Rancangan Malaysia Kelapan yang memberikan penekanan dalam usaha menaiktarafkan infrastruktur ICT di kawasan luar bandar, terutamanya infrastruktur yang melibatkan telekomunikasi, seperti yang tertera dalam Jadual 1.

**Jadual 1: Peruntukan Pembangunan untuk Program dan Projek Yang Berkaitan ICT, 2001-2005**

Program/Projek	Peruntukan ( <i>RM juta</i> )	Peratusan
<b>Aplikasi Perdana</b>	<b>1,824.9</b>	<b>35.4</b>
<i>Kerajaan Elektronik</i>	434.8	
<i>Sekolah Bestari</i>	401.1	
<i>Telekesihatan</i>	400.0	
<i>Kad Pelbagai Guna</i>	418.1	
<i>Kelompok P&amp;P</i>	1.9	
<i>Integrasi Aplikasi</i>	169.0	
<b>Pengkomputeran</b>	<b>1,641.8</b>	<b>31.8</b>
<b>Penyelidikan dan Pembangunan</b>	<b>300.0</b>	<b>5.8</b>
<b>Merapatkan Jurang Digital</b>	<b>1,098.0</b>	<b>21.3</b>
<i>Infodesa</i>	30.2	
<i>Internet Desa</i>	3.0	
<i>Pembekalan Khidmat Sejangat</i>	119.8	
<i>Infrastruktur Komputer Untuk Sekolah Luar Bandar</i>	945.0	
<b>Pembangunan Kandungan</b>	<b>10.0</b>	<b>0.2</b>
<b>Lain-lain</b>	<b>284.4</b>	<b>5.5</b>
<b>Jumlah</b>	<b>5,159.1</b>	<b>100.0</b>

Sumber: Malaysia, 2001.

Dalam Rancangan Malaysia Kelapan (2001-2005), kerajaan telah memperuntukkan hampir RM5.2 bilion untuk program dan projek yang berkaitan dengan ICT. Peruntukan sebanyak RM1 bilion pula dibelanjakan untuk mengurangkan jurang yang wujud antara kawasan bandar dan kawasan luar bandar menerusi program yang diwujudkan oleh kerajaan, seperti Infodesa, Internet Desa, Pembekalan Khidmat Sejangat, dan infrastruktur komputer untuk sekolah luar bandar (Malaysia, 2001).

Melalui peruntukan yang telah disediakan oleh kerajaan, pelbagai program dan projek telah dirancang dalam penggunaan ICT di kalangan masyarakat, terutamanya di kawasan

luar bandar. Tujuan program yang dijalankan adalah untuk melibatkan anggota masyarakat dalam bidang ICT setelah usaha kerajaan dalam projek negara, seperti Koridor Raya Multimedia dimulakan. Salah satu projek yang telah dilancarkan oleh kerajaan ialah Gerakan Desa Wawasan yang telah dilancarkan pada 1996 dengan tujuan untuk memberikan satu perubahan baru dalam masyarakat. Dalam program ini, kemudahan komputer disediakan untuk memperkenalkan ICT kepada masyarakat luar bandar. Pada akhir tahun 2000, sebanyak 995 kampung telah mendapat faedah daripada program tersebut. Selain itu, program yang dikenali sebagai Internet Desa telah dilancarkan pada bulan Mac 2000 yang melibatkan lokasi di Sg. Ayer Tawar, Selangor dan Kanowit, Sarawak (Malaysia, 2001).

Satu lagi program yang diwujudkan oleh kerajaan ialah Infodesa. Di bawah program ini, laman pusat diwujudkan untuk memberikan latihan ICT kepada komuniti tempatan, membangunkan aplikasi kandungan, dan sebagai pusat maklumat perkhidmatan kerajaan. Pusat tersebut akan terus ditempatkan di pejabat pos (Malaysia, 2001). Sebagai contoh, program Internet Desa yang diperkenalkan oleh kerajaan di Pejabat Pos Sungai Air Tawar merupakan antara Program Internet Desa pertama di Malaysia. Program ini merupakan kerjasama antara Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia dengan Agensi Kerjasama Antarabangsa Jepun (JICA) yang bertujuan untuk merapatkan jurang digital antara penduduk luar bandar dan bandar. Laman web pusat Internet Desa tersebut ([www.sgairtawar.idesa.org.my](http://www.sgairtawar.idesa.org.my)) menawarkan pelbagai maklumat tentang pusat Internet Desa di daerah tersebut, dan program yang dianjurkan di seluruh negara (Abdul Rahman, 2004).

**Jadual 2: Peruntukan Pembangunan untuk Program Yang Berkaitan ICT,  
2006-2010**

Program	Peruntukan ( <i>RM juta</i> )
<b>Pengkomputeran Agensi Kerajaan</b>	<b>5,734.2</b>
<b>Merapatkan Jurang Digital</b>	<b>3,710.2</b>
<i>Sekolah</i>	3,279.2
<i>Program Penyediaan Kemudahan Infrastruktur Komunikasi</i>	150.0
<i>Telecentre</i>	101.0
<i>Latihan/Perkhidmatan ICT</i>	180.0
<b>Tabung ICT</b>	<b>1,493.0</b>
<b>Aplikasi Multimedia MSC</b>	<b>1,100.5</b>
<i>Kerajaan Elektronik</i>	572.7
<i>Sekolah Bestari</i>	169.8
<i>Telekesihatan</i>	60.0
<i>Kad Pelbagai Guna Kerajaan</i>	298.0
<b>Pembangunan MSC</b>	<b>377.0</b>
<b>Penyelidikan dan Pembangunan ICT</b>	<b>474.0</b>
<b>Jumlah</b>	<b>12,888.9</b>

Sumber: Malaysia, 2006.

Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (2006-2010) pula, kerajaan telah memperuntukkan RM12.9 bilion untuk program yang berkaitan ICT. Kerajaan juga memberi penekanan terhadap penyelidikan dan pembangunan ICT yang memperuntukkan sebanyak RM474 juta manakala latihan dan perkhidmatan yang berkaitan ICT ialah RM180 juta. Usaha oleh kerajaan terhadap komuniti luar bandar juga dibuat bagi memastikan capaian menjadi lebih mudah dan pantas khususnya kepada perkhidmatan kerajaan. Sistem penyampaian awam akan ditingkatkan menerusi program kerajaan elektronik yang menyediakan aplikasi ICT bagi memudahkan komuniti luar bandar (Malaysia, 2006).

Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (2006-2010) juga, sebanyak RM3.7 bilion diperuntukkan untuk mengurangkan jurang digital iaitu pertambahan sebanyak RM2.6 bilion berbanding Rancangan Malaysia Kelapan (2001-2005). Peruntukan yang disalurkan untuk mengurangkan jurang digital ini termasuklah menerusi sekolah, program penyediaan kemudahan infrastruktur komunikasi, *telecentre* dan latihan ICT. Peruntukan ini berbeza jika dibandingkan dengan peruntukan Rancangan Malaysia Kelapan (2001-2005) yang lebih menekankan program ICT di luar bandar.

Namun, tumpuan utama pembangunan ICT dalam Rancangan Malaysia Kesembilan meliputi (Malaysia, 2006) :

- (a) pengukuhan kedudukan Malaysia sebagai hab ICT dan multimedia global ;
- (b) memperluaskan rangkaian komunikasi bagi memastikan akses kepada perkhidmatan dan maklumat yang lebih setara ;
- (c) mempergiatkan usaha dalam merapatkan jurang digital ;
- (d) pembangunan bandar siber sedia ada serta mempromosikan pusat siber yang baru dan aplikasi multimedia MSC ; dan
- (e) perangsangan sumber pertumbuhan baru dalam sektor ICT yang meliputi bioinformatik, gabungan bioteknologi dan ICT .

Manfaat daripada ICT juga diperoleh dengan wujudnya laman web komuniti, seperti *melayu.com* yang diwujudkan untuk mengumpulkan pelbagai sumbangan idea dan pandangan masyarakat Melayu. Keanggotaannya kini mencecah lebih 30,000 orang yang menggunakan pelbagai nama samaran. Pengguna laman web ini berkongsi

pengalaman dan pengetahuan melalui internet, termasuklah aktiviti yang dianjurkan (Roslah, 2004).

Kewujudan laman web yang dibangunkan oleh komuniti dapat mengumpulkan komuniti ke arah merealisasikan matlamat dan tujuan komuniti itu sendiri. Namun penglibatan daripada pihak swasta dan kerajaan juga amat diperlukan dalam usaha membangunkan laman web atau sebarang aktiviti yang melibatkan ICT adalah untuk mewujudkan masyarakat yang berpengetahuan. Masyarakat yang berpengetahuan memudahkan perbincangan antara perseorangan dan memudahkan komunikasi dua hala secara individu dan berkumpulan serta menggalakkan perkongsian idea, pengalaman, dan penyelesaian (Cintakindi dan Razali, 2003).

Menurut Cintakindi dan Razali (2003) ICT merupakan kuasa yang amat penting dalam globalisasi dan pembangunan masyarakat berpengetahuan. Perubahan ini menyebabkan pengeluaran meningkat serta taraf kehidupan bertambah baik kerana ICT juga memperkenalkan satu peralihan dan penyesuaian kepada individu. Oleh yang demikian, ICT merupakan satu sektor yang dititikberatkan oleh kerajaan dalam agihan peruntukannya. Jadual 3 menunjukkan agihan peruntukan Projek Rancangan Malaysia Kelapan (2001-2005) mengikut sektor, dan terbukti ICT dan kemudahan pengurusan memperoleh 0.38% jumlah agihannya berbanding sektor pembangunan yang lain. Ini menunjukkan bahawa sektor pembangunan ICT juga memperoleh peruntukan untuk meningkatkan prasarana dan kemudahan ICT yang sedia ada demi pembangunan negara.

**Jadual 3: Agihan Peruntukan Projek Rancangan Malaysia Kelapan (2001-2005)  
Mengikut Sektor**

Sektor Pembangunan	RM Juta	Peratusan
Sosial dan Manusia	411.00	8.029
Ekonomi Desa	2,120.475	41.423
Prasarana dan Ameniti Sosial	2,568.000	50.165
ICT dan Kemudahan Pengurusan	19.653	0.384
Jumlah	5,119.128	100.00

Sumber: Kementerian Pembangunan Luar Bandar (2002)

Kepentingan ICT yang ditekankan oleh kerajaan juga dapat dilihat melalui bajet 2004 yang mengurangkan caj akses internet, dan peruntukan RM637 juta yang telah diagihkan untuk program pengkomputeran sekolah. Ini kerana penggunaan internet di Malaysia masih rendah, terutama akses jalur lebar yang kurang daripada dua peratus penduduk negara menggunakannya. Jumlah penembusan internet juga masih rendah, iaitu kira-kira 31.6 peratus sahaja berbanding dengan Singapura 64 peratus, Korea 55.2 peratus, dan Jepun 44.9 peratus (Mohd Ridzwan, 2004).

Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar juga telah memperkenalkan satu skim galakan, iaitu Skim Geran Aplikasi Penunjuk Cara (DAGS-Demonstrator Application Grant Scheme) pada 15 Januari 1998, dan dilancarkan pada 21 April 1998 (Rahmah Hashim, 2000). Fokus DAGS adalah untuk memperkenalkan ICT kepada komuniti Malaysia dan memberikan kesedaran akan kepentingannya ([www.nitc.org.my](http://www.nitc.org.my)) di



samping mempromosikan penggunaan ICT dan Multimedia untuk pembangunan sosio ekonomi melalui pembangunan komuniti. DAGS hingga kini telah membiayai 73 projek bernilai lebih RM100 juta yang melibatkan 1.3 juta rakyat daripada pelbagai latar belakang. Salah satu contoh ialah sebuah projek yang memberikan kemudahan akses internet kepada penduduk tanah tinggi luar bandar di Bario, Sarawak, iaitu e-Bario melalui jalinan rakan pintar dan pembabitkan komuniti agensi kerajaan dan swasta (Abdul Rahman, 2004). Selain itu, contoh projek DAGS termasuklah *E-Thalassaemia*, *NutriWeb*, *Cybercare* dan e-Masjid sebagai pusat kejurangan (Malaysia, 2001).

DAGS menggalakkan penggunaan multimedia dan ICT untuk mewujudkan masyarakat bermaklumat dan memperkaya kehidupan komuniti. Oleh itu, DAGS mempunyai objektif, seperti yang berikut :

- (a) membudayakan masyarakat Malaysia dengan ICT dan membolehkan mereka memaksimumkan faedah ICT di rumah dan di tempat kerja ;
- (b) membina jaringan komuniti elektronik dengan penggunaan ICT dan teknologi multimedia ;
- (c) mempromosikan pertumbuhan dinamik ‘web-shapers’ dan ‘web-adopters’ ;
- (d) membentuk komuniti usahawan melalui jaringan elektronik ;
- (e) menggalakkan persepakatan antara agensi awam, swasta, NPO dan NGO ; dan
- (f) menggalakkan masyarakat Malaysia supaya menjadi lebih inovatif dalam penggunaan ICT dan teknologi multimedia ([www.nitc.org.my](http://www.nitc.org.my)).